
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Februari - Mac 2005

ZAT 283/3 - Instrumentasi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **LIMA** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Senaraikan punca-punca ralat eksperiman.
(10/100)
- (b) Beri dan huraikan prinsip-prinsip yang digunakan dalam suatu transduser tekanan.
(35/100)
- (c) Beserta dengan gambarajah yang sesuai, berikan penjelasan tentang:
 (i) diafragma
 (ii) tolok pengionan
(15/100)
- (d) Untuk suatu tolok terikan logam, berikan huraian tentang
 (i) prinsip-prinsip pengukuran
 (ii) faktor tolok
 (iii) pembinaan
 (iv) kesan suhu
(40/100)

2.

| Suhu T($^{\circ}$F) | Rintangan R(Ω) |
|---------------------------------------|---|
| 60 | 106.0 |
| 65 | 107.6 |
| 70 | 109.1 |
| 75 | 110.2 |
| 80 | 111.1 |
| 85 | 111.7 |
| 90 | 112.2 |

Jadual 1

- (a) Menggunakan Jadual 1,
- (i) Dapatkan penghampiran linear rintangan melawan suhu di antara 60°F dan 90°F
- (ii) Dapatkan penghampiran kuadratik rintangan melawan suhu di antara 60°F dan 90°F

- (iii) Dari (i) dan (ii) di atas, tunjukkan yang manakah yang memberikan penghampiran rintangan melawan suhu yang lebih tepat.

(30/100)

- (b) Beri dan huraikan kesan-kesan penghad bagi suatu termistor.

(30/100)


| JADUAL TERMOGANDINGAN JENIS K KROMEL ALUMEL | | | | | | | | | | |
|--|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| | 0 | 5 | 10 | 15 | 20 | 25 | 30 | 35 | 40 | 45 |
| -150 | -4.81 | -4.92 | -5.03 | -5.14 | -5.24 | -5.34 | -5.43 | -5.52 | -5.60 | -5.68 |
| -100 | -3.49 | -3.64 | -3.78 | -3.92 | -4.06 | -4.19 | -4.32 | -4.45 | -4.58 | -4.70 |
| -50 | -1.86 | -2.03 | -2.20 | -2.37 | -2.54 | -2.71 | -2.87 | -3.03 | -3.19 | -3.34 |
| -0 | 0.00 | -0.19 | -0.39 | -0.58 | -0.77 | -0.95 | -1.14 | -1.32 | -1.50 | -1.68 |
| +0 | 0.00 | 0.20 | 0.40 | 0.60 | 0.80 | 1.00 | 1.20 | 1.40 | 1.61 | 1.81 |
| 50 | 2.02 | 2.23 | 2.43 | 2.64 | 2.85 | 3.05 | 3.26 | 3.47 | 3.68 | 3.89 |
| 100 | 4.10 | 4.31 | 4.51 | 4.72 | 4.92 | 5.13 | 5.33 | 5.53 | 5.73 | 5.93 |
| 150 | 6.13 | 6.33 | 6.53 | 6.73 | 6.93 | 7.13 | 7.33 | 7.53 | 7.73 | 7.93 |
| 200 | 8.13 | 8.33 | 8.54 | 8.74 | 8.94 | 9.14 | 9.34 | 9.54 | 9.75 | 9.95 |
| 250 | 10.16 | 10.36 | 10.57 | 10.77 | 10.98 | 11.18 | 11.39 | 11.59 | 11.80 | 12.01 |
| 300 | 12.21 | 12.42 | 12.63 | 12.83 | 13.04 | 13.25 | 13.46 | 13.67 | 13.88 | 14.09 |
| 350 | 14.29 | 14.50 | 14.71 | 14.92 | 15.13 | 15.34 | 15.55 | 15.76 | 15.98 | 16.19 |
| 400 | 16.40 | 16.61 | 16.82 | 17.03 | 17.24 | 17.46 | 17.67 | 17.88 | 18.09 | 18.30 |
| 450 | 18.51 | 18.73 | 18.94 | 19.15 | 19.36 | 19.58 | 19.79 | 20.01 | 20.22 | 20.43 |
| 500 | 20.65 | 20.86 | 21.07 | 21.28 | 21.50 | 21.71 | 21.92 | 22.14 | 22.35 | 22.56 |
| 550 | 22.78 | 22.99 | 23.20 | 23.42 | 23.63 | 23.84 | 24.06 | 24.27 | 24.49 | 24.70 |
| 600 | 24.91 | 25.12 | 25.34 | 25.55 | 25.76 | 25.98 | 26.19 | 26.40 | 26.61 | 26.82 |
| 650 | 27.03 | 27.24 | 27.45 | 27.66 | 27.87 | 28.08 | 28.29 | 28.50 | 28.72 | 28.93 |
| 700 | 29.14 | 29.35 | 29.56 | 29.77 | 29.97 | 30.18 | 30.39 | 30.60 | 30.81 | 31.02 |
| 750 | 31.23 | 31.44 | 31.65 | 31.85 | 32.06 | 32.27 | 32.48 | 32.68 | 32.89 | 33.09 |
| 800 | 33.30 | 33.50 | 33.71 | 33.91 | 34.12 | 34.32 | 34.53 | 34.73 | 34.93 | 35.14 |
| 850 | 35.34 | 35.54 | 35.75 | 35.95 | 36.15 | 36.35 | 36.55 | 36.76 | 36.96 | 37.16 |
| 900 | 37.36 | 37.56 | 37.76 | 37.96 | 38.16 | 38.36 | 38.56 | 38.76 | 38.95 | 39.15 |
| 950 | 39.35 | 39.55 | 39.75 | 39.94 | 40.14 | 40.34 | 40.53 | 40.73 | 40.92 | 41.12 |
| 1000 | 41.31 | 41.51 | 41.70 | 41.90 | 42.09 | 42.29 | 42.48 | 42.67 | 42.87 | 43.06 |
| 1050 | 43.25 | 43.44 | 43.63 | 43.83 | 44.02 | 44.21 | 44.40 | 44.59 | 44.78 | 44.97 |
| 1100 | 45.16 | 45.35 | 45.54 | 45.73 | 45.92 | 46.11 | 46.29 | 46.48 | 46.67 | 46.85 |

Jadual 2

- (c) Menggunakan jadual termogandingan piawai jenis K (kromel-alumel) seperti dalam Jadual 2.
- (i) Tuliskan persamaan interpolasi untuk mendapatkan suhu suatu termogandingan jika voltan yang dikehendaki tidak berada dalam jadual yang diberikan dan jelaskan maksud setiap satu simbol yang digunakan.
- (ii) Menggunakan persamaan interpolasi yang telah anda berikan, dapatkan suhu pada simpangan pengukuran jika voltan diukur adalah 25.60mV, dengan suhu rujukan pada 0°C .

- (iii) Dapatkan voltan untuk suhu bersamaan dengan 517°C bagi suatu termogandingan jenis K yang menggunakan suhu rujukan -38°C .
(40/100)

3. (a) Berikan ciri-ciri suatu fotopengesan.
(20/100)
- (b) Berikan perbezaan antara pengesan-pengesan fotokonduksian, fotopancaran dan fotovolta apabila terkena sinaran tuju.
(15/100)
- (c) Lukiskan satu litar kawalan tipikal yang menggunakan sel foto dan jelaskan bagaimana ia berfungsi.
(30/100)
- (d) Perihalkan prinsip-prinsip suatu pengesan fotopancaran beserta dengan gambarajah yang sesuai.
(35/100)
4. (a) Huraikan bagaimana sistem kawalan dalam Rajah 1 berfungsi.
(30/100)



Rajah 1

- (b) Dapatkan kejituuan sistem bagi proses jika fungsi perpindahan transduser adalah $10 \text{ mV/ m}^3/\text{s}$ $\pm 1.5\%$ dan fungsi perpindahan sistem mensyarat isyarat adalah $2\text{mA/mV} \pm 0.05\%$.


(10/100)

- (c) Dalam menjelaskan suatu sistem kawalan proses, berikan penerangan tentang:

- (i) ralat
- (ii) blok
- (iii) fungsi perpindahan
- (iv) kejituuan

(20/100)

- (d) Rajah 2 menunjukkan suatu sistem kawalan analog.



Rajah 2

- (i) Jelaskan prinsip bagaimana sistem ini berfungsi.
- (ii) Beserta dengan gambarajah yang sesuai, jelaskan bagaimana kawalan penyeliaan (*supervisory control*) dilaksanakan dalam sistem kawalan tersebut.
- (iii) Beserta dengan gambarajah yang sesuai, jelaskan bagaimana kawalan digital terus (*direct digital control*) dilaksanakan dalam sistem kawalan tersebut.

(40/100)

5. (a) Lukiskan suatu lengkung bahaya yang tipikal yang di dapati dalam ramalan keboleharapan instrumen dan terangkan mengenai kegagalan-kegagalan yang berlaku dan cara yang dapat dilakukan untuk mengatasinya. (35/100)
- (b) Tunjukkan bahawa masa min untuk kegagalan suatu instrumen (MTTF) adalah suatu resiprokal untuk kadar bahaya. (15/100)
- (c) Untuk suatu taksiran bagi keboleharapan instrumen, beserta dengan gambarajah-gambarajah yang sesuai, tunjukkan bagaimana anda boleh mendapatkan:
- (i) suatu kadar kegagalan katastropik sistem
 - (ii) suatu kadar di mana sistem separuh gagal
- (50/100)